



KERATAN AKHBAR

AKHBAR	:	SINAR HARIAN		
TARIKH	:	4/10/2019	MUKA SURAT	: 36
JABATAN	:	PERHILITAN		
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN		

Abot, Rambai jinakkan gajah liar

SETIU - Sentuhan dan pujukan dua gajah denak betina iaitu Abot dan Rambai berjaya 'menjinakkan' seekor gajah jantan liar dalam tempoh 30 minit semasa operasi di Kampung Hulu Kekabu dekat Permaisuri di sini semalam.

Dua gajah denak dari Pusat Konservasi Gajah Kebangsaan Kuala Gandah di Lanchang, Pahang itu memulakan tugas 'memikat' gajah liar itu pada jam 9.30 pagi semalam dan berjaya memujuk haiwan liar itu masuk ke dalam lori pada jam 10 pagi.

Pengarah Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) Tereng-

ganu, Dr Abdul Malek Mohd Yusof berkata, pihaknya menerima aduan daripada penduduk kampung itu mengenai kehadiran gajah liar yang merosakkan tanaman di kebun mereka pada Sabtu lepas.

"Gajah jantan yang dianggarkan berusia 14 tahun ini berjaya ditangkap pada Isnin lepas dan akan dipindahkan ke habitat yang sesuai di Taman Negara Terengganu hari ini (semalam).

"Ini adalah gajah liar kelapan yang berjaya kami tangkap sepanjang tahun ini," katanya ketika ditemui di lokasi penangkapan gajah liar itu di sini semalam.
- *Bernama*



Gajah jantan liar berusia 14 tahun berjaya ditangkap Perhilitan dengan menggunakan dua ekor gajah denak.

FOTO: BERNAMA